

Pemimpin komponen BN tak sekata keputusan PRU13 sebagai 'tsunami Cina'
Malaysian Insider
July 9 , 2013
Oleh Yiswaree Palansamy dan Jennifer Gomez

Kunci untuk mengkaji keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) menggambarkan hanya orang Cina mengundi pembangkang hingga mendominasi undi popular.

Itu yang digembar-gembur media arus perdana terhadap masyarakat Cina yang digelar mereka sebagai mengkhianati Barisan Nasional (BN).

Akan tetapi, apakah ahli parti komponen BN bersetuju? Benarkah ada tsunami Cina atau tidak?

Tentulah ada dan apa salahnya ungkapan itu," tanya Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan sebelum cepat-cepat menyatakan mereka tiada niat jahat sebalik ungkapan itu.

"Benar, orang Melayu dan India juga undi pembangkang tapi ia tidak seketara orang Cina.

"Dalam sesetengah kawasan, hingga 96 peratus orang Cina mengundi pembangkang," katanya pada forum di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menyimpulkan kegagalan BN akibat tindak balas pengundi bandar, bukannya tsunami Cina.

Kata Rahman, makna tsunami ialah sesuatu perubahan yang besar dengan merujuk bencana di Banda Aceh sebagai contoh dan menganggap ia berlaku dalam perubahan undi Cina.

Ahli Parlimen Masjid Tanah, Mas Ermieyati Samsudin juga percaya ia sememangnya tsunami Cina terutama di lokasi tertentu, hasil kempen intensif pembangkang dan isu yang mereka canang.

Namun, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup mengakui tiada adil untuk mengatakan ia tsunami Cina kerana bukan undi Cina sahaja beralih ke pembangkang

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abd Rahim Bakri yang juga Ahli Parlimen Kudat juga menyifatkan keputusan PRU13 sebagai tsunami Malaysia.

"Bukan tsunami Cina," katanya yang mengakui sebahagian rakyat terus bersama BN walaupun tidak gembira dengan beberapa isu.

Ahli Parlimen Mambong, Datuk Dr James Dawos Mamit, pula menyatrakan tidak adil untuk menyatakan keputusan PRU13 sebagai tsunami mana-mana kaum.

"Ia undi rakyat untuk perubahan," katanya. - 9 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemimpin-komponen-bn-tak-sekata-keputusan-pru13-sebagai-tsunami-cina/>

